

BAB 3

MODEL OPERASI DAN PENGURUSAN

DI HOSPITAL WAQAF AN-NUR

3.1 PENDAHULUAN

Secara amnya, Hospital Waqaf An-Nur (HWAN) menawarkan perkhidmatan perundingan dan rawatan kesihatan kepada pesakit yang memerlukan tanpa mengira bangsa dan agama. Dengan tertubuhnya hospital dan pusat dialisis bagi pesakit buah pinggang yang mempunyai masalah kewangan, ia telah merealisasikan hasrat Perbadanan Johor (JCorp) untuk melaksanakan wakaf. Perkataan “waqaf” itu sendiri menggambarkan hasrat untuk menyerahkan sebahagian daripada harta yang sebenarnya milik Allah SWT untuk dimanfaatkan oleh masyarakat secara keseluruhan.

3.2 SEJARAH PENUBUHAN HOSPITAL WAQAF AN-NUR (HWAN)

Sejarah penubuhan hospital wakaf ini adalah merupakan idea daripada JCorp apabila melihat pada tahun 1998 negara mengalami kegawatan ekonomi dan taraf kesihatan semakin buruk. Sejak itu, JCorp bersama-sama dengan anak syarikat masing-masing menyumbangkan wang untuk membiayai perkhidmatan kesihatan masyarakat berpendapatan rendah melalui tanggungjawab sosial korporat (CSR). Maka dari situ, tertubuhnya Klinik Waqaf An-Nur (KWAN) yang pertama di Kotaraya, Johor dengan

kepakaran pengurusan kesihatan bersama Kumpulan Perubatan Johor (KPJ Healthcare Berhad).¹

Sebelum penubuhan Hospital Waqaf An-Nur, syarikat JCorp telah menubuhkan klinik wakaf di Pasir Gudang pada tahun 1999. Oleh sebab permintaan yang semakin meningkat daripada penduduk Pasir Gudang, maka klinik tersebut telah dinaiktaraf kepada sebuah hospital pada tahun 2006 dan seterusnya menjadi hospital wakaf pertama di negara ini. Hospital tersebut telah dirasmikan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Iskandar ibn al-Marhum Sultan Ismail pada 21 April 2006. Hospital Waqaf An-Nur adalah sebuah hospital berkonsepkan kebajikan dan tidak bermotifkan keuntungan yang ditubuhkan oleh JCorp menerusi KPJ Healthcare Berhad dengan kerjasama Majlis Agama Islam Johor (MAIJ).²

Majlis Agama Islam Johor menyediakan tapak bagi pembinaan bangunan hospital tersebut yang bersebelahan dengan Masjid Pasir Gudang. Rasional pembinaan hospital wakaf ini dibina bersebelahan dengan masjid adalah untuk mendekatkan masyarakat dengan aktiviti masjid. Hospital ini diuruskan oleh KPJ Healthcare Berhad serta Waqaf An-Nur Corporation (WANCorp) iaitu, sebuah syarikat berhad dengan jaminan tanpa syer yang ditubuhkan untuk mengurus aset dan saham-saham syarikat dalam Kumpulan JCorp yang diwakafkan.³

3.3 WAQAF AN-NUR CORPORATION (WANCORP)

3.3.1 Latar Belakang WANCorp

Wakaf An-Nur Corporation Berhad (WANCorp) merupakan salah sebuah syarikat berhad dengan jaminan tanpa syer yang ditubuhkan untuk mengurus aset dan saham-saham

¹ Puan Hamidah Othman (Pengurus Operasi HWAN, Pasir Gudang), dalam temubual dengan penulis, 2 Julai 2013.

² *Ibid.*

³ Encik Johar Jonit (Eksekutif Kanan, Waqaf An-Nur Corporation Berhad), dalam temubual dengan penulis, 3 Julai 2013.

syarikat dalam Kumpulan Johor Corporation yang diwakafkan. Selain itu, ia juga berperanan sebagai ‘*Mawqūf Alaihi*’ saham-saham dan lain-lain bentuk sekuriti syarikat perniagaan secara keseluruhannya.⁴

WANCorp mula beroperasi pada 25 Oktober 2000 dengan nama Pengurusan Klinik Waqaf An-Nur Berhad yang pada awalnya ditubuhkan untuk menguruskan klinik-klinik wakaf dan pusat dialisis di bawah JCorp yang diuruskan oleh KPJ Healthcare Berhad. Syarikat ini kemudiannya ditukarkan namanya kepada Kumpulan Waqaf An-Nur Berhad pada 19 Julai 2005 yang mana peranan dan aspirasi yang lebih luas lagi dipertanggungjawabkan kepada syarikat ini.⁵

3.2.2 Objektif WANCorp

Objektif WANCorp ialah⁶:

- i. Menjalankan pelaksanaan penerapaaan nilai-nilai Islam di dalam pengurusan dan pentadbiran korporat JCorp dan syarikat-syarikat di dalam kumpulannya;
- ii. Menjalankan kajian pendekatan kontemporari dan membuat cadangan yang bersesuaian untuk pelaksanaan di JCorp selari dengan objektif sebuah organisasi korporat Islam;
- iii. Menyelaraskan dan mengendalikan operasi Klinik Waqaf An-Nur dan rangkaianannya serta memastikan matlamat untuk memberikan kemudahan kesihatan dan dialisis kepada pesakit yang kurang berkemampuan dijayakan;
- iv. Merancang serta menyelaraskan segala aktiviti keagamaan dan menerapkan nilai-nilai Islam di JCorp dan syarikat-syarikat di dalam kumpulannya;

⁴ *Ibid.*

⁵ Laporan Tahunan Waqaf An-Nur Corporation Berhad 2011, 5.

⁶ *Ibid.*

- v. Sebagai sekretariat Jawatankuasa Masjid dan menyelaraskan pengurusan masjid-masjid JCorp; dan
- vi. Menjadi pusat rujukan utama berkaitan hal ehwal pengurusan bisnes dalam Islam dan lain-lain yang berkaitan.

Mengikut memorandum syarikat, kuasa-kuasa WANCorp ialah⁷:

- i. Menjadi sebuah entiti yang diiktiraf oleh Majlis Agama Islam Johor sebagai penerima, pengurus dan pentadbir waqaf-waqaf dan juga bertindak sebagai ‘*mawqūf Alaihi*’ saham-saham dan lain-lain bentuk sekuriti syarikat perniagaan daripada wakif-wakif termasuk JCorp khususnya, umat Islam amnya dan syarikat atau badan dan organisasi lainnya serta menjadi syarikat pemegang pelaburan;
- ii. Memperjuangkan serta memartabatkan ekonomi umat Islam secara amnya, terutama dalam menghimpun dan menambah nilai aset serta pelaburan WANCorp secara tidak langsung, melalui WANCorp di dalam JCorp dan Kumpulan JCorp serta menerusi penubuhan dan pengembangan aktiviti bisnes syarikat JCorp amnya;
- iii. Bertindak melaksanakan dan menyempurnakan manfaat-manfaat WANCorp, menerusi pelaburan, sumbangan, infaq dan pembahagian bagi tujuan dan faedah sebagaimana yang ditentukan untuk menampung aktiviti-aktiviti kebajikan yang berkaitan masjid-masjid dan menyumbang kepada kemakmuran masjid tersebut. Menyumbang kepada perjuangan fisabilillah dan memenuhi tuntutan fardu kifayah dan menyumbang kepada kejayaan ke arah melaksanakan tuntutan amal makruf nahi munkar;
- iv. Menjalankan secara sukarela sebagai agen-agen hospital, klinik-klinik bersalin, pusat-pusat rawatan dan memberikan khidmat-khidmat yang berkaitan dalam

⁷ *Ibid.*, 6

Malaysia atau tempat lain dan untuk menyediakan khidmat pentadbiran, pengurusan, khidmat nasihat kewangan dan khidmat-khidmat berkaitan pertubuhan-pertubuhan berkenaan berdasarkan kepada prinsip-prinsip syarak;

- v. Menjalankan tanggungjawab sosial korporat berteraskan ajaran Islam (“CSR Islam”) Kumpulan JCorp, khasnya menerusi program yang bertujuan untuk mengimarahkan dan meningkatkan peranan sosial Masjid An-Nur Kotaraya, dan rangkaian-rangkaian masjid, Klinik Waqaf An-Nur, Hospital Waqaf An-Nur, Rumah Anak-anak Yatim & Miskin Darul Hanan serta oleh Kumpulan JCorp dan anak syarikatnya;
- vi. Menjayakan program pembangunan insan dan modal insan Kumpulan JCorp termasuk untuk meningkatkan ilmu pengetahuan, kepakaran profesionalisme, kemahiran pengurusan dan pengalaman bisnes anggota pekerja Kumpulan JCorp dan keluarga serta umat Islam amnya; dan
- vii. Menjayakan program-program khas ditujukan serta membina daya keusahawanan serta program-program membudayakan bisnes.

3.2.3 Struktur Organisasi WANCorp⁸


Ahli Lembaga Pengarah WANCorp terdiri daripada pelbagai bidang. Ianya diketuai oleh Pengerusi WANCorp yang akan menasihati dalam perancangan yang dibuat oleh WANCorp. WANCorp merupakan salah satu anak syarikat JCorp, maka Presiden dan Ketua Eksekutif JCorp juga merupakan ahli dalam struktur organisasi ini. Ketua Pegawai Operasi JCorp dan Ketua Pegawai Eksekutif WANCorp akan memastikan perjalanan urusan dan aktiviti dalam badan ini berjalan lancar dan bertindak melaksanakan dan

⁸ Laporan Tahunan WANCorp 2012, dicapai 3 Januari 2013, <http://www.jcorp.com.my/WANCorp-AnnualReport2012Ver1.pdf>.

menyempurnakan manfaat-manfaat WANCorp, menerusi pelaburan, sumbangan, infaq dan pembahagian bagi tujuan dan faedah sebagaimana yang ditentukan.

Oleh kerana ia melibatkan penggunaan harta wakaf, ia akan menggunakan khidmat nasihat oleh mereka yang arif dalam bidang tersebut seperti Penasihat Agama Negeri Johor, Mufti Negeri Johor dan Pengarah Jabatan Agama Islam Johor. Selain itu, keaggotaan WANCorp juga terdiri daripada Pengarah Urusan yang mempunyai saham yang diwakafkan dalam organisasi ini seperti Pengarah Urusan KPJ Healthcare Berhad, Pengarah Urusan Kulim (Malaysia) Berhad, Pengarah Urusan Johor Land Berhad, Pengarah Eksekutif Kulim (Malaysia) Berhad dan Pengarah Urusan JCorp Hotels & Resorts Sdn Bhd. Selain itu, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Zakat, Baitulmal & Waqaf pula bertanggungjawab dalam menasihati badan ini dalam hal ehwal agama Islam di dalam badan ini. (Lihat Lampiran)

Rajah 3.1. Struktur Korporat WANCorp



*Diuruskan oleh JCorp


#Diruskan oleh KPJ Healthcare

Sumber: Laporan Tahunan Waqaf An-Nur Corporation Berhad 2011.

3.2.4 Sumber Kewangan

Pelaksanaan wakaf korporat JCorp dilakukan dengan mewakafkan sejumlah RM200 juta (Nilai Aset Bersih) saham dalam anak syarikat tersenarai dan RM50.27 juta (Nilai Aset Bersih) saham dalam anak syarikat tidak tersenarai di Bursa Malaysia. Saham Syarikat JCorp yang telah diwakafkan terbahagi kepada syarikat tersenarai dan syarikat tidak tersenarai. Syarikat tersenarai adalah KPJ Healthcare Berhad sebanyak 18.6 juta saham (8.95%), KULIM (M) Berhad, 12.62 juta saham (0.38%) dan Al-Aqar KPJ REIT 12.35 juta saham (4.16 %). Bagi syarikat tidak tersenarai yang diwakafkan sahamnya adalah Tiram Travel Sdn Bhd 225,000 saham (75%), Capaian Aspirasi Sdn Bhd sebanyak 75,000 saham (75%) dan TPM Management Sdn Bhd iaitu 50.33 ribu saham (61%) seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 3.2 dan Rajah 3.3.⁹


Rajah 3.2. Saham Syarikat Tersenarai Yang Diwakafkan Sahamnya



Sumber: Diubahsuai daripada Laporan Tahunan Waqaf An-Nur Berhad, 2011.

⁹ *Ibid.*, 11.

Rajah 3.3. Saham Syarikat Tidak Tersenarai Yang Diwakafkan Sahamnya



Sumber: Diubahsuai daripada Laporan Tahunan Waqaf An-Nur Berhad 2011.

3.2.5 Sumbangan WANCorp

Pengukuran tahap produktiviti dilihat menerusi sejauhmana dana wakaf yang diterima diagihkan bagi mencapai objektif yang ditetapkan seterusnya menambahbaik keadaan ekonomi sedia ada. Produktiviti yang terhasil dipengaruhi oleh beberapa faktor antaranya adalah gaya pengurusan yang diamalkan oleh WANCorp dan JCorp itu sendiri selari dengan objektif penubuhannya.

Fokus WANCorp adalah terus kepada strategi asasnya iaitu memastikan dividen saham wakaf yang diterima dapat dimanfaatkan sewajarnya kepada masyarakat yang memerlukan bantuan. WANCorp terus memberi sokongan dengan menyalurkan sumbangan bagi membina rangkaian Klinik Waqaf An-Nur di seluruh negara yang diuruskan oleh KPJ Healthcare Bhd.¹⁰

Sebuah Klinik Waqaf An-Nur telah dibina di Taman Bukit Tiram, Ulu Tiram, Johor pada tahun 2011, di mana telah dapat disalurkan sumbangan berjumlah lebih RM0.1 juta.

¹⁰ *Ibid.*

Seterusnya dua buah mesin dialisis juga telah disumbangkan kepada Klinik Waqaf An-Nur, Majlis Agama Islam Seremban bernilai RM76,000. Pada tahun 2011, terdapat 16 buah rangkaian KWAN termasuk sebuah Hospital Waqaf An-Nur di seluruh negara. Ini termasuk dua buah klinik sementara yang dibina di USJ, Subang Jaya dan sebuah klinik di Masjid Jamek, Kajang Selangor. Sehingga akhir tahun 2011, seramai 765,000 orang telah mendapatkan perkhidmatan kesihatan di rangkaian KWAN. Peningkatan perolehan dividen dalam tahun 2011 dari saham yang telah diwakafkan berjumlah RM16.94 juta meningkat 91 peratus berbanding tahun 2010 yang berjumlah RM8.87 juta. Perolehan sebelum cukai WANcorp berjumlah RM2.72 juta meningkat 39 peratus daripada tahun 2010 yang berjumlah RM1.96 juta.¹¹

Pada tahun 2011, pendapatan dividen bersih selepas cukai yang diperolehi daripada saham yang telah diwakafkan adalah sebanyak RM14.36 juta iaitu meningkat sebanyak 48 peratus berbanding dividen bersih yang diterima pada tahun 2010 iaitu RM1.96 juta. Jumlah dividen bersih yang diterima pada tahun 2011 telah diagihkan mengikut peruntukan sebagaimana hujah wakaf bagi pelaburan semula dan pembangunan tenaga insan sebanyak RM10.01 juta (70%). Peruntukan kepada fisabilillah dan Majlis Agama Islam Johor adalah masing-masing sebanyak RM3.60 juta (25%) dan RM0.78 juta (5%).¹²

Penubuhan rangkaian Klinik Waqaf An-Nur dan Hospital Waqaf An-Nur Pasir Gudang berjaya dalam merealisasikan matlamat Johor Corporation bagi membantu lebih ramai masyarakat terutamanya golongan yang kurang berkemampuan menikmati kemudahan rawatan kesihatan menerusi konsep wakaf. WANCorp telah berperanan dengan menyalurkan dana bagi pembinaan dan pembangunan hospital dan KWAN.¹³

¹¹ *Ibid.*

¹² *Ibid.*

¹³ Laporan Tahunan WANCorp 2012, dicapai pada 3 Januari 2013, <http://www.jcorp.com.my/WANCorp-AnnualReport2012Ver1.pdf>

Pada tahun 2012, WANCorp telah menyalurkan dana berjumlah RM0.5 juta bagi menaiktaraf Pusat Dialisis di Hospital Waqaf An-Nur Pasir Gudang. Penaiktarafan Pusat Dialisis ini dapat memberikan keselesaan kepada pesakit-pesakit buah pinggang. Seterusnya pertambahan mesin dialisis dapat menampung pertambahan bilangan pesakit buah pinggang yang boleh dirawat. Pada tahun 2012, seramai 103,542 orang telah menerima rawatan di seluruh rangkaian KWAN. Daripada jumlah tersebut seramai 9,491 orang adalah pesakit bukan Islam. Bagi tempoh yang sama, jumlah pesakit buah pinggang yang menerima rawatan dialisis di Hospital Waqaf An-Nur Pasir Gudang dan di tiga buah Klinik Waqaf An-Nur adalah seramai 101 orang dengan jumlah mesin dialisis sebanyak 39 buah.¹⁴

3.4 HOSPITAL WAQAF AN-NUR (HWAN)

3.4.1 Objektif, Misi dan Visi Penubuhan Hospital Waqaf An-Nur (HWAN)

Objektif Hospital Waqaf An-Nur adalah untuk memberi dan menyediakan kemudahan perubatan kepada masyarakat khususnya golongan yang berpendapatan rendah tanpa mengira bangsa dan agama. Idea untuk menubuhkan HWAN lahir daripada usaha-usaha untuk memperkembangkan projek kesihatan dan rawatan oleh JCorp. Misi hospital wakaf ini adalah untuk memberikan khidmat rawatan perubatan kepada semua pesakit tanpa mengira bangsa dan agama dengan kadar yang minima terutama kepada golongan masyarakat yang kurang berkemampuan. Manakala, visi hospital ini adalah untuk memastikan masyarakat terutamanya golongan yang berpendapatan rendah di sekitar Pasir Gudang dapat menikmati perkhidmatan perubatan yang sempurna setaraf dengan klinik kerajaan atau swasta yang lain.¹⁵

¹⁴ *Ibid.*

¹⁵ Puan Hamidah Othman, 2013.

Walaupun matlamat hospital wakaf ini adalah untuk memberikan perkhidmatan kesihatan dan perubatan kepada golongan berpendapatan rendah, namun hospital ini juga turut menerima kedatangan para pesakit yang berkemampuan dan daripada golongan profesional. Malah, perkhidmatan dan rawatan juga dibuka kepada golongan bukan Islam dan warga asing. Hal ini secara tidak langsung membuka minda dan mengubah persepsi orang ramai tentang konsep kebajikan melalui wakaf yang dianjurkan oleh Islam.¹⁶

3.4.2 Struktur Organisasi HWAN

Johor Corporation Berhad membangun bersama KPJ Healthcare melalui Waqaf An-Nur Corporation Berhad dengan kerjasama Majlis Agama Islam Negeri telah menubuhkan Hospital Waqaf An-Nur iaitu pusat kesihatan yang berteraskan kebajikan dengan mengadaptasikan konsep wakaf. Secara amnya, Hospital Waqaf An-Nur menawarkan perkhidmatan perundingan dan rawatan kesihatan kepada pesakit yang memerlukan tanpa mengira bangsa dan agama.

Hospital Waqaf An-Nur diuruskan oleh pegawai-pegawai perubatan dan jururawat daripada KPJ Healthcare Berhad yang diketuai oleh Pengurus Operasi. Beliau bertanggungjawab dalam hal ehwal pembelian peralatan dan ubat-ubatan dan menguruskan kakitangan di hospital wakaf ini dan juga 18 rangkaian Klinik Waqaf An-Nur di seluruh negeri Johor.¹⁷

Hospital wakaf ini dianggotai oleh 40 orang kakitangan. Kesemua tenaga kerja di hospital wakaf ini adalah daripada KPJ Healthcare yang merupakan cabang penjagaan kesihatan di bawah JCorp. Hospital wakaf ini mempunyai empat orang doktor yang berkhidmat di Jabatan Kemalangan dan Kecemasan, Jabatan Pesakit Luar dan Klinik

¹⁶ *Ibid.*

¹⁷ *Ibid.*

Bergerak. Mereka bergilir-gilir menjalankan tugas pada waktu siang dan malam kerana hospital ini beroperasi selama 24 jam.¹⁸

Seorang doktor pakar daripada Hospital Pakar Puteri akan datang membuat pemantauan ke atas perkhidmatan yang dijalankan di hospital dan pusat dialisis setiap tiga bulan sekali. Jika terdapat masalah dengan Kementerian Kesihatan berkaitan dengan program atau operasi hospital, maka doktor pakar tersebut bertanggungjawab untuk menyelesaikan masalah tersebut.¹⁹ Ini dinyatakan oleh Puan Hamidah sebagaimana dalam petikan temubual berikut:

“*Combination* semua ini adalah kepakaran adalah KPJ. Mereka telah menyerahkan sepenuhnya operasi kepada KPJ di mana kami, *work* dengan KPJ. Kita bekerja *under* Hospital Wakaf. Majikan kami adalah KPJ. Saya bekerja, dan gaji dibayar oleh Hospital Pakar Puteri. Semua klinik wakaf tidak mempunyai staf. *Stafnya* dipinjam daripada KPJ Healthcare Berhad”

“Pemantauan daripada KPJ ada. Bahagian analisis doktor pakar kita akan memberi perkhidmatan secara percuma. Maknanya, setiap pesakit dialisis di bawah KKM 3 bulan sekali mereka mesti mendapat rawatan pakar supaya penyakit mereka dapat dipantau dan proses mereka akan menjadi proses kesihatan yang optima. Dan doktor pakar dari Hospital Pakar Puteri akan datang ke sini 3 bulan sekali tanpa bayaran. *And then*, bahagian *medical*, *our* hospital dipantau oleh Pakar daripada Puteri Johor Specialist. Mereka [doktor pakar] pula dipantau oleh doktor pakar yang lain.”


Merujuk kepada Rajah 3.4 dan 3.5, Jabatan Kemalangan dan Kecemasan diketuai oleh Pengurus Operasi. Hospital Waqaf An-Nur dianggotai oleh empat orang pegawai perubatan yang diketuai oleh Dr. Max Mulwan bin Mulyadi. Terdapat tenaga kerja yang terdiri daripada ketua jururawat, jururawat dan pembantu jururawat. Selain itu, terdapat juga tenaga kerja sokongan yang berkhidmat di bahagian makmal, bahagian x-ray, bahagian farmasi, bahagian pendaftaran, bahagian dispensari, bahagian pembayaran dan dibantu oleh bahagian pentadbiran. Pemandu ambulan pula bertugas untuk membawa

¹⁸ *Ibid*


¹⁹ *Ibid.*

pesakit ke hospital rujukan jika kecederaan yang dihadapi oleh pesakit bersifat kritikal serta tidak terdapat kemudahan dan kepakaran di hospital wakaf ini untuk merawat pesakit.

Rajah 3.4. Carta Organisasi Jabatan Pesakit Luar



Rajah 3.5. Carta Organisasi Jabatan Kemalangan & Kecemasan Hospital Waqaf An-Nur



Sumber: Puan Hamidah Othman, 2013.

3.5 PERKHIDMATAN YANG DIBERIKAN

Perkhidmatan kesihatan dan perubatan yang disediakan di hospital ini ialah Jabatan Pesakit Luar, Jabatan Kemalangan dan Kecemasan dan Wad pesakit. Di tingkat bawah, selain dari klinik, terdapat bilik x-ray, bahagian pendaftaran, farmasi dan Unit Hemodialisis. Di tingkat atas pula terdapat wad-wad yang ditempatkan di tingkat satu hospital. Hospital wakaf ini beroperasi selama 24 jam. Rawatan di Jabatan Pesakit Luar beroperasi bermula pada pukul 8.30 pagi hingga pukul 5 petang. Selepas pukul 5 petang, perkhidmatan di hospital wakaf ini akan beroperasi di bilik Jabatan Kemalangan dan Kecemasan. Waktu operasi Hospital Waqaf An-Nur ditunjukkan seperti dalam Jadual 3.1:

Jadual 3.1. Waktu Operasi Hopsital Waqaf An-Nur

Hari/Jenis Operasi	Waktu
Isnin – Khamis	8.30 pagi – 5.00 petang
Jumaat	8.30 pagi – 1.00 petang
	2.30 petang – 5.00 petang
Sabtu	8.30 pagi – 1.00 Petang
Ahad/Cuti Umum	Tutup
Dialisis	7.00 pagi – 5.00 petang
Kecemasan	24 jam

Sumber: Puan Hamidah Othman, 2013.

3.5.1 Jabatan Pesakit Luar

Sebelum mendapatkan rawatan dan konsultasi daripada doktor, terdapat proses yang perlu diikuti oleh pesakit. Apabila pesakit datang ke hospital, pegawai bertugas akan mendapatkan pengenalan diri pesakit seperti kad pengenalan atau surat beranak. Pesakit yang pernah datang ke hospital perlu menunjukkan kad berwarna putih yang menunjukkan rekod kedatangan pesakit ke hospital. Seterusnya pesakit akan diberi nombor giliran dan perlu menunggu di ruangan menunggu. Untuk kes baru yang pertama kali datang untuk

mendapatkan perkhidmatan, pegawai bertugas akan mendapatkan maklumat dan seterusnya merekodkan maklumat tersebut ke dalam kad rawatan pesakit luar.²⁰

Seterusnya pesakit akan diarahkan ke ruangan menunggu sehingga nama dipanggil untuk mendapatkan rawatan. Kes-kes yang diterima untuk rawatan adalah seperti demam biasa, kecederaan ringan, melecur (*first degree burn*), batuk yang bukan diklasifikasikan sebagai TB, penyakit kulit dan patah tulang yang tidak memerlukan rawatan pakar dan kes penyakit kronik yang telah stabil dan memerlukan pemeriksaan berkala dan pemerhatian daripada doktor untuk memantau tahap kesihatan seperti pesakit yang menghadapi penyakit kencing manis dan pesakit darah tinggi. Selain itu, hospital ini juga menerima pesakit lelah yang memerlukan rawatan *nebulizer* serta *dressing* bagi kes kudis diabetik.²¹

Kes yang tidak diterima untuk rawatan di hospital wakaf ini ialah penyakit serius seperti jantung, buah pinggang, kecederaan parah seperti kecederaan kepala. Hospital ini juga tidak menerima kes ibu mengandung dan bersalin kes pembedahan yang memerlukan “*gas anaesthetic*” kerana tidak terdapat kepakaran berkaitan kes tersebut di hospital wakaf ini.²²

Pesakit akan diarahkan ke bilik konsultasi untuk pemeriksaan mengikut nombor giliran. Pesakit akan menjalani pemeriksaan dan saringan yang melibatkan prosedur seperti x-ray, pengambilan darah untuk ujian makmal, *urine test*, *nebulizer* atau *dressing* mengikut kepada keadaan pesakit. Pesakit yang dikenalpasti mempunyai masalah kesihatan yang serius akan dirujuk kepada hospital pakar yang lain. Untuk kes ‘*walk in*’ pesakit akan diberikan temujanji untuk rawatan pada masa akan datang sekiranya perlu. Pesakit yang memerlukan ubat-ubatan akan diberi preskripsi ubat di kaunter Dispensari. Pesakit akan

²⁰ Observasi penulis di Hospital Waqaf An-Nur, 2 Julai 2013.

²¹ *Ibid.*

²² *Ibid.*

diberi penerangan tentang cara dan arahan-arahan pengambilan ubat oleh pegawai bertugas. Setelah itu, pesakit akan discaj dan dibenarkan pulang.²³

Pesakit yang datang mendapatkan rawatan di Jabatan Pesakit Luar di hospital wakaf ini terdiri daripada pelbagai bangsa dan agama tidak terkecuali juga warga asing yang menetap di Pasir Gudang. Jumlah pesakit yang datang mendapatkan rawatan meningkat dari tahun ke setahun. Jadual 3.2 menunjukkan jumlah pesakit yang mendapatkan rawatan di hospital ini dari tahun 2008 sehingga tahun 2013.²⁴

Jadual 3.2. Jumlah Keseluruhan Pesakit Luar Hospital Waqaf An-Nur, 2008-2012

Bil	Tahun	Pesakit Luar (Orang)				Jumlah
		Melayu	Cina	India	Lain-Lain	
1	2008	21513	726	1502	471	24212
2	2009	24601	528	1570	667	27366
3	2010	21092	599	1546	680	23917
4	2011	22704	692	1648	1124	26168
5	2012	27740	496	1689	1513	31438

Sumber: Puan Hamidah Othman, 2013.

3.5.2 Jabatan Kemalangan dan Kecemasan

Jabatan Kemalangan dan Kecemasan memberikan rawatan kecemasan mengikut keutamaan berdasarkan hasil penilaian yang dilakukan oleh Pegawai Perubatan. Jabatan ini berfungsi merawat pesakit yang memerlukan Rawatan Kecemasan Kritikal (Zon Merah), Rawatan Kecemasan Separa Kritikal (Zon Kuning) dan Rawatan Tidak Kritikal (Zon Hijau) yang hanya memerlukan rawatan segera. Zon Merah iaitu Rawatan Kecemasan Kritikal memerlukan perhatian perubatan serta-merta, kelambatan menyebabkan keadaan pesakit

²³ *Ibid.*

²⁴ Puan Hamidah Othman, 2013.

semakin teruk dan berpotensi membahayakan atau membawa maut kepada pesakit atau mangsa.²⁵

Perkhidmatan kecemasan dan kemalangan bertujuan khas memberikan perkhidmatan bermutu tinggi, cekap dan berkesan untuk menyelamatkan nyawa. Para petugas perlu bertindak cepat, cekap dan tepat untuk mengendalikan kes-kes kecemasan. Pemulihan pernafasan/resusitasi dan rawatan kecemasan dilakukan untuk mengurangkan kadar kematian dan kemudaratan kepada pesakit. Rawatan resusitasi dan kecemasan dilakukan ke atas pesakit semasa pesakit dalam perjalanan sehingga pesakit sampai ke hospital rujukan dengan menggunakan ambulan yang disediakan oleh pihak hospital. Setiap kes kecemasan akan dilayan kurang dari sepuluh minit dari masa kemasukan ke unit kecemasan.²⁶

Jadual 3.3 menunjukkan jumlah pesakit yang menerima rawatan di hospital wakaf ini melalui Jabatan Kemalangan dan Kecemasan. Peningkatan pesakit bagi bangsa Cina dan India dapat dilihat sepanjang tahun 2008 sehingga tahun 2012. .

Jadual 3.3. Jumlah Keseluruhan Pesakit Kemalangan dan Kecemasan Hospital Waqaf An-Nur, 2008-2012

Bil	Tahun	Pesakit Kemalangan Dan Kecemasan (Orang)				Jumlah
		Melayu	Cina	India	Lain-Lain	
1	2008	9510	130	731	216	10587
2	2009	11759	188	779	409	13135
3	2010	11433	214	805	467	12919
4	2011	14010	311	988	611	15920
5	2012	14739	292	1062	867	16960

Sumber: Puan Hamidah Othman, 2013.

²⁵ Observasi penulis di Hospital Waqaf An-Nur, 2 Julai 2013.

²⁶ *Ibid.*

3.5.3 Wad Pesakit

Wad Pesakit menempatkan lapan buah katil iaitu empat unit katil bagi lelaki dan empat unit bagi perempuan di bilik yang berasingan. Mengenai prosedur kemasukan ke wad, para pesakit dimasukkan ke wad sekiranya para doktor di Jabatan Pesakit Luar mendapati ianya perlu. Antara rawatan yang membolehkan pesakit mendapatkan rawatan di wad pesakit adalah seperti demam yang tidak kebah, *dehydration* dan *diarrhea* yang memerlukan seliaan dan pemantauan berterusan. Bagi kes-kes kritikal, pesakit akan dirujuk kepada hospital pakar berdekatan yang mempunyai tenaga pakar yang lebih berpengalaman dan peralatan yang lebih canggih.²⁷

Jadual 3.4 pula menunjukkan jumlah keseluruhan pesakit yang dimasukkan ke wad daripada tahun 2008 sehingga 2012. Bilangan pesakit yang ditempatkan di wad adalah rendah kerana pesakit lebih selesa untuk berehat di rumah selepas mendapatkan rawatan dan ubatan daripada ditempatkan di wad.

Jadual 3.4. Jumlah Keseluruhan Wad Hospital Waqaf An-Nur, 2008-2012

Bil	Tahun	Pesakit Wad (Orang)				Jumlah
		Melayu	Cina	India	Lain-Lain	
1	2008	175	1	3	0	179
2	2009	83	0	5	0	88
3	2010	64	0	2	0	66
4	2011	58	4	4	3	69
5	2012	58	3	1	1	63

Sumber: Puan Hamidah Othman, 2013.

3.5.4 Klinik Bergerak

Pihak pengurusan Hospital Waqaf An-Nur mengambil inisiatif dengan mengadakan sebuah klinik bergerak yang bertujuan untuk membantu masyarakat kurang berkemampuan yang berada di kawasan pedalaman untuk menerima rawatan. Klinik Bergerak Waqaf An-Nur

²⁷ *Ibid.*

diuruskan sepenuhnya oleh Pengurusan Hospital Waqaf An-Nur dengan kerjasama KPJ Healthcare Berhad.

Jadual 3.5 menunjukkan hari dan kawasan Klinik Bergerak beroperasi. Waktu Klinik Bergerak beroperasi bermula pada pukul 2.30 petang sehingga pukul 4 petang dan tertakluk kepada pindaan dan situasi semasa. Kawasan yang dikunjungi oleh Klinik Bergerak merupakan kawasan pedalaman dan agak sukar untuk penduduk di kawasan tersebut untuk mendapatkan khidmat rawatan kesihatan, tambahan pula bayaran perkhidmatan penjagaan kesihatan yang semakin meningkat.

Jadual 3.5. Jadual Klinik Bergerak

Hari	Kawasan
Isnin	Kg. Pasir Putih
Selasa	Kg Perigi Acheh
Rabu	Kong-kong Laut
Khamis	Kg. Sungai Tiram
Jumaat	Kg. Tanjung Langsung

Sumber: Puan Hamidah Othman, 2013.

Klinik Bergerak Waqaf An-Nur sering terlibat di dalam aktiviti atau program-program di bawah kendalian Majlis Perbandaran Pasir Gudang mahupun organisasi kesihatan. Antara program yang disertai adalah Kempen Derma Darah, Pameran Kesihatan dan lain-lain. Seramai tiga orang pekerja sahaja yang bertugas di Klinik Bergerak pada satu-satu masa. Anggota perkerja yang terlibat adalah Pegawai Perubatan, Pembantu Perawatan/ Jururawat dan Pemandu Caravan (Pendaftaran).²⁸

Kadar caj untuk pemeriksaan adalah sebanyak RM5.00 (tidak termasuk caj prosedur). Kes-kes yang diterima rawat pula seperti demam, kecederaan ringan dan pemeriksaan berkala kencing manis atau darah tinggi. Kes-kes yang tidak diterima rawat

²⁸ Observasi penulis di Hospital Waqaf An-Nur, 2 Julai 2013.

adalah penyakit serius seperti jantung, buah pinggang, kecederaan parah seperti kecederaan kepala, kes ibu mengandung dan bersalin dan kes yang memerlukan “*gas anaesthetic*”.²⁹

Berdasarkan Jadual 3.6, jumlah pesakit yang mendapatkan perkhidmatan klinik bergerak yang menggunakan caravan adalah seramai 5791 orang sepanjang tahun 2008 sehingga 2012. Bangsa Melayu menunjukkan bilangan pesakit yang paling ramai berbanding dengan bangsa yang lain. Ini kerana kebanyakan kawasan Klinik Bergerak beroperasi adalah di kampung-kampung dan majoriti penduduk yang tinggal di kampung adalah berbangsa Melayu.

Jadual 3.6. Jumlah Keseluruhan Pesakit Klinik Bergerak Hospital Waqaf An-Nur, 2008-2013

Bil	Tahun	Pesakit Klinik Bergerak (Orang)				Jumlah
		Melayu	Cina	India	Lain-Lain	
1	2008	687	0	0	0	687
2	2009	1504	0	0	0	1504
3	2010	1137	9	2	1	1149
4	2011	1443	21	2	1	1467
5	2012	966	2	6	0	984

Sumber: Puan Hamidah Othman, 2013.

3.6 KADAR CAJ RAWATAN

Sepertimana hospital dan klinik-klinik awam dan swasta yang lain, HWAN mengenakan bayaran terhadap perkhidmatan rawatan penjagaan kesihatan dan perubatan yang diberikan kepada setiap pesakit. Namun bayaran yang dikenakan adalah rendah berbanding dengan hospital atau pusat-pusat perubatan awam dan swasta yang sedia ada iaitu serendah RM5. Ini adalah selaras dengan objektif penubuhan HWAN yang ingin membantu masyarakat

²⁹ Puan Hamidah, 2013.

berpendapatan rendah dan kurang berkemampuan mendapatkan rawatan penjagaan kesihatan dan perubatan.³⁰

Jadual 3.7 menunjukkan kadar caj yang dikenakan bagi setiap jenis rawatan yang diterima pesakit. Kadar caj yang dikenakan adalah berbeza bagi rawatan pesakit luar, rawatan pesakit kemalangan dan kecemasan, rawatan dialisis serta rawatan pesakit yang mendapatkan rawatan berterusan di wad hospital.

Jadual 3.7. Kadar Caj Rawatan

Jenis Rawatan	Kadar (RM)
Pesakit Luar	RM5.00 (tidak termasuk caj prosedur).
Pesakit (dalam Wad)	Pendapatan lebih RM1500 dan ke atas: RM50.00 sehari (tidak termasuk caj prosedur) Pendapatan kurang RM1500 dan ke bawah: RM10.00 sehari (tidak termasuk caj prosedur)
Kemalangan & Kecemasan	RM5 (tidak termasuk caj prosedur)
Dialisis	RM90 satu sesi x 13 sesi sebulan
Klinik Bergerak	RM5

Sumber: Puan Hamidah Othman, 2013.

Kos rawatan pesakit luar yang menerima rawatan dan ubat-ubatan adalah lima ringgit bagi rakyat Malaysia dan lima belas ringgit bagi warga asing.³¹ Bayaran tambahan hanya dikenakan apabila pesakit memerlukan ujian-ujian saringan dan prosedur yang lain seperti ujian darah (*blood test*), suntikan atau antibiotik. Bagi perkhidmatan di bahagian kemalangan dan kecemasan, kos yang dikenakan berdasarkan prosedur rawatan yang diberikan di samping mengekalkan caj tetap sebanyak lima ringgit.

Bagi kes rujukan ke Hospital Sultanah Aminah (HSAJB) atau Hospital Sultan Ismail (HSIJ), perkhidmatan ambulan disediakan dengan menggunakan ambulan Hospital Waqaf An-Nur dengan kadar caj sebanyak RM45.00 di kawasan sekitar Pasir Gudang. Bagi pesakit yang memerlukan rawatan yang berterusan di wad, kos perubatan adalah sebanyak

³⁰ Puan Hamidah Othman, 2013.

³¹ *Ibid.*

sepuluh ringgit bagi pesakit yang berpendapatan RM1500 ke bawah dan RM50 bagi pesakit yang berpendapatan RM1500 ke atas. Kos tersebut meliputi rawatan perubatan beserta dengan makan dan minum sepanjang berada di wad tersebut.³²

Pesakit Klinik Bergerak dikenakan caj sebanyak lima ringgit sama seperti rawatan bagi pesakit luar. Pesakit yang memerlukan rawatan dialisis pula dikenakan bayaran sebanyak sembilan puluh ringgit untuk sekali rawatan selama 13 kali sebulan. Perbelanjaan tinggi yang terpaksa ditanggung oleh pesakit akan dibantu oleh HWAN dengan mencari penaja kepada pesakit dialisis tersebut seperti pihak Baitulmal, Badan Bukan Kerajaan (NGO), syarikat-syarikat korporat atau individu yang prihatin.

3.7 SUMBER PEMBIAYAAN OPERASI HOSPITAL WAQAF AN-NUR

Pewakafan saham merupakan perubahan baru bentuk pengaplikasian wakaf sejajar dengan peredaran zaman. Tuntutan kepada keperluan semasa telah membawa kepada penjenamaan wakaf daripada wakaf tradisional diinovasikan kepada wakaf saham. JCorp merupakan perintis kepada konsep ini apabila bertindak melepaskan harta yang dimiliki iaitu saham. Saham wakaf merupakan pelengkap kepada hasrat JCorp sebagai pewakaf yang membawa ke arah merealisasikan wawasan sebagai Institut Korporat Amanah. Kecemerlangan wakaf korporat secara tidak langsung membuktikan kecemerlangan WANCorp sebagai sebuah institusi wakaf yang produktif.

Permulaan penglibatan JCorp dalam urusan wakaf bermula pada 17 Januari 1992 menerusi pewakafan tapak Masjid An-Nur Plaza Kotaraya Johor Bahru dengan kos pembinaan RM500,000. Masjid ini merupakan masjid pertama di Malaysia yang dibina dalam sebuah pusat membeli belah. Melihat kepada kemajuan tersebut, JCorp meneruskan lagi usaha dengan pewakafan lot ruang niaga dengan mendirikan Klinik Waqaf An-Nur Kotaraya di Lot 85 sehingga 87 bersebelahan dengan masjid tersebut. Operasi penyediaan

³² Observasi penulis di Hospital Waqaf An-Nur, 2 Julai 2013.

perkhidmatan kesihatan ini bermula pada 1 November 1998. Para pesakit tidak mengira pegangan agama mahupun bangsa berpeluang mendapatkan khidmat nasihat dan rawatan kesihatan daripada doktor beserta ubat-ubatan dengan bayaran RM5 seorang. Selain itu, caj perkhidmatan dialisis sekadar RM90 sekali rawatan turut disediakan bagi pesakit buah pinggang. Baki daripada kos sebenar di bawah tanggungan seperti Dana Waqaf An-Nur, Baitulmal dan NGO.³³

Keputusan JCorp mewakafkan sebahagian saham anak syarikat adalah keputusan yang produktif demi kelangsungan pemilikan harta milik Muslim pada masa hadapan. Hal ini mendapat sokongan daripada pihak penyelidikan Islam di Universiti al-Azhar, Mesir yang mengeluarkan fatwa keharusan berwakaf dengan saham sebagai harta wakaf menerusi surat permintaan fatwa pada 9 November 2005 oleh Dato' Haji Noh Gadut selaku mufti kerajaan negeri Johor. Keputusan Persidangan Penyelidikan Islam pada 24 November 2005 adalah merujuk kepada pandangan sesetengah mazhab seperti mazhab Malikiyah dan seterusnya pandangan ulama kontemporari dalam syariah Islamiah. Mereka berpendapat bahawa harus untuk mewakafkan bahagian tertentu dan saham syarikat daripada harta *mustaghillah* yang diharuskan syarak. Hal tersebut tertakluk kepada syarat bahawa segala urusan saham dan keuntungan adalah bertepatan dengan syarat iaitu mesti diselaras dengan kaedah yang telah dipersetujui oleh ulama ke atasnya.³⁴

Wakaf korporat ini bukan sekadar memperuntukkan sumbangan manfaat kepada program atau golongan sasaran seperti lazimnya kerana WANCorp turut merangka strategi bagi mengoptimumkan penggunaan harta wakaf dan seterusnya memaksimumkan nilai manfaat bagi jangka masa panjang. Tindakan tersebut dikenali sebagai proses produktiviti

³³ Nurul Asyikin Mahmood & Nuhammad Hakimi Mohd Shafiai, "Potensi Wakaf Korporat Kepada Pemilikan Ekuiti Muslim: Kajian di Wakaf An-Nur Corporation" (Prosiding, Seminar PERKEM VII, 2013), 390.

³⁴ *Ibid.*

wakaf korporat yang merujuk kepada penjana kembali manfaat wakaf. Menerusi proses ini, manfaat harta wakaf tidak hanya tertumpu kepada satu peringkat sahaja kerana penggunaan manfaat daripada peringkat pertama diharap dapat membantu penerima khususnya dan ekonomi negara amnya bertambah baik pada peringkat kedua.

Kaedah pembiayaan operasi adalah melalui manfaat dividen saham yang diwakafkan oleh anak-anak syarikat JCorp. Sebanyak 25 peratus daripada dividen yang diterima WANCorp sepertimana di dalam Hujah Waqaf diperuntukkan bagi tujuan *fisabilillah* termasuk pembiayaan untuk program kesihatan. Selain itu, KPJ Healthcare akan membiayai dari aspek pembayaran gaji tenaga kerja, ubat-ubatan dan peralatan yang diperlukan oleh hospital wakaf ini. Pembayaran gaji tenaga kerja merupakan bahagian yang paling besar dalam menguruskan sesebuah hospital berbanding dengan kos-kos yang lain. KPJ Healthcare telah memperuntukkan sebanyak RM2.5 juta setahun bagi menampung kos tersebut.³⁵

Berikut merupakan petikan temubual bersama dengan Puan Hamidah Othman berkenaan dengan pembiayaan operasi Hospital Waqaf An-Nur:

“Kami dibiayai oleh hospital masing-masing. Maknanya konsep KPJ membantu dari segi tenaga kerja dan duit yang kita dapat adalah daripada anak Johor Corp yang banyak menyumbang dari segi kewangan dan masuk dalam tabung klinik wakaf. Di situ lah kami *run* operasi. Operasi mesti mengikut bajet yang dianggarkan. Baki yang lain akan ditanggung oleh dana. Dana adalah duit yang dicari oleh dia [WANCorp dan KPJ]. Dia ada cara sendiri untuk cari dana menjayakan operasi kami. Sebenarnya tak cukup kalau untuk bayangkan pendapatan dibandingkan dengan kos. *Committee* atau group-group tertentu kerja mereka mencari dana untuk kami. KPJ sendiri menyumbang 2.5 juta setahun daripada tenaga kami. Sebab kepakaran adalah dari kita [KPJ].”

Beliau menambah kenyataan tentang pembiayaan operasi menggunakan konsep wakaf seperti kenyataan dari petikan temubual yang berikutnya:

³⁵ Puan Hamidah Othman (Pengurus Operasi HWAN, Pasir Gudang), dalam temubual dengan penulis, 2 Julai 2013.

“Wakaf ini, kena ada lafaz saya mewakafkan. Kalau dia sebut duit ini untuk kegunaan..maksudnya kita boleh *run* operasi. Kalau dia sebut mewakafkan duit untuk membeli komputer, saya kena beli komputer. *That’s why* kita mintak mereka membuat lafaz secara *open*. Kalau di sini, orang nak wakafkan sumbangan duit boleh. Mereka datang pada saya. Dia akan diberi 1 hujjah. Zimah [pegawai tadbir] akan ambik bacakan.....” Dengan sejumlah wang ini, saya mewakafkan duit saya sebanyak 500 ringgit kepada Hospital Waqaf An-Nur bagi tujuan keperluan dan operasi hospital. Hujjah tu ada. kami juga menerima barang-barang. Contoh macam *wheel chair*.”

Pembiayaan operasi hospital juga dinyatakan oleh Encik Johar Jonit dalam temubual seperti berikut:

“Asal dulu HWAN ditubuhkan oleh JCorp. Kemudian, mereka beri pengurusan kepada WANCORP, syarikat yang sekarang ni. Pembiayaan operasi *mainly* from KPJ Healthcare melalui hospital mereka, dari WANCORP dan dana klinik wakaf. Jadi pembiayaan, pertama, dari dana KPJ, kedua dana klinik wakaf, ketiga dana WANCORP *and rest is public*. Kita buka untuk bagi peluang kepada orang ramai. Ubat-ubat kita pun dari hospital pakar. Itulah sumber pembiayaan operasi.”³⁶

Selain itu, Dr Luqman Abdullah menjelaskan tentang pembiayaan hospital wakaf yang menggunakan sumber yang pelbagai:

“Tiada masalah hospital wakaf daripada dana yang bukan sepenuhnya dari wakaf. Mungkin bangunan, peralatan hospital diwakafkan. Maka, kos-kos yang lain seperti bayaran perkhidmatan doktor, *nurse* boleh diambil dari dana-dana yang lain. Untuk *cover* kos-kos yang lain dicajkan kepada pesakit. Pesakit tak perlu bayar kos perubatan yang mahal kerana ada kos yang lain telah dicover oleh wakaf.”³⁷

Wakaf tunai didasarkan kepada *waqf al-nuqud* atau *waqf al-dinar* dan *waqf al-dirham*. Secara umumnya perwakafan wang dibolehkan di dalam Islam dengan syarat-syarat tertentu. Menurut Ibn ‘Abidin, mewakafkan wang atau duit adalah sah meskipun fizikalnya tidak boleh dikekalkan dalam bentuk asal tapi pengekalannya ini masih boleh

³⁶ Encik Johar Jonit, 2013.

³⁷ Dr Luqman Abdullah (Pensyarah Kanan Jabatan Fiqh & Usul, APIUM), dalam temubual dengan penulis, 13 Ogos 2014.

direalisasikan dengan menukarkannya kepada bentuk lain (atau harta lain yang berbentuk kekal). Dalam pada masa yang sama, beliau berpandangan bahawa kesahannya hanya terhenti kepada uruf atau adat masyarakat setempat. Di Malaysia, wang tunai telah diterima pakai sebagai satu medium pertukaran kewangan semenjak dulu lagi, justeru, ianya sesuai untuk diwakafkan dan ia adalah harta yang bernilai.³⁸

Selain daripada dana daripada dividen saham syarikat yang diwakafkan, hospital juga memperoleh dana wakaf dari pelbagai pihak sama ada individu dan syarikat-syarikat korporat. Tabung dana wakaf disediakan di kawasan tumpuan orang ramai seperti di kompleks membeli belah, pasar raya, lobi hospital dan sebagainya. Selain itu, terdapat juga individu yang mewakafkan peralatan atau barangan seperti kerusi roda, komputer dan sebagainya untuk kegunaan hospital. Sumbangan mereka kepada hospital wakaf ini mendapat pelepasan cukai dari Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).³⁹

3.8 KESIMPULAN

Wakaf masih signifikan dalam memberi sumbangan yang besar kepada umat Islam. Hospital Waqaf An-Nur telah mengadaptasikan sistem wakaf dalam membantu golongan berpendapatan rendah untuk mendapatkan rawatan dan penjagaan kesihatan. Melalui pewakafan kontemporari, bukan sahaja modal atau aset yang diwakafkan itu dapat dipertahankan, malah ianya akan memberi keuntungan yang berlipat ganda dan melahirkan lebih banyak harta-harta wakaf baru dalam bentuk harta kekal. Penggunaan wakaf korporat dalam menjana dana wakaf sememangnya memberi impak yang positif dalam menjalankan hospital wakaf.

³⁸ Siti Mashitoo Mahamood, Asmak Ab Rahman, "Kosep Wakaf Sebagai Instrumen Pembangunan Harta Tanah di Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI)," *Jurnal Pengurusan JAWHAR* 1, no.2 (2007), 9.

³⁹ Puan Hamidah Othman, 2013.